



**Gambaran
Keseluruhan Global
Prestasi PMKS**

Bab
1

Bab 1

Gambaran Keseluruhan Global Prestasi PMKS

Selepas tempoh yang memeritkan pada tahun 2020, PMKS di seluruh dunia berusaha untuk mengemudi perniagaan mereka ke arah pemulihan. Keadaan ekonomi pada dua tahun yang lepas memerlukan fleksibiliti dan ketangkasan yang mencukupi daripada PMKS dan bantuan kewangan yang besar daripada Kerajaan untuk mengharungi tempoh yang getir. Kesan pandemik adalah sangat berbeza merentas rantau atau negara dengan beberapa rantau atau negara mengalami pemulihan yang ketara dalam hasil, rantaian bekalan dan aktiviti guna tenaga, manakala ada yang berdepan dengan kesukaran memandangkan pemulihan ekonomi terpaksa ditangguhkan susulan penularan varian baharu COVID-19 dan sekatan pergerakan berterusan yang berlaku di seluruh dunia.

PRESTASI PMKS DI KESATUAN EROPAH (EU)

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) merangkumi kira-kira 22.8 juta firma aktif pada tahun 2021 (2020: 22.5 juta), mewakili 99.8% daripada keseluruhan perusahaan di sektor perniagaan bukan kewangan (*non-financial business sector*, NFBS) Kesatuan Eropah (European Union, EU)-27^[1]. Sama seperti demografi PMKS di seluruh dunia, perusahaan mikro merupakan perusahaan yang paling lazim dalam kalangan PMKS di NFBS EU-27, merangkumi majoriti 93.1% daripada jumlah perusahaan. Jumlah PMKS yang semakin meningkat meskipun pandemik melanda sebahagiannya disebabkan oleh bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan pada tahun 2020 dan 2021, serta langkah-langkah yang diambil oleh pelbagai negara bagi mencegah perusahaan menjadi muflis. Langkah ini termasuk kelonggaran oleh pemiutang, penggantungan sementara peraturan undang-undang berkaitan keperluan pemilik perniagaan perlu memfailkan kebangkrapan dan penutupan sementara entiti perundangan & pentadbiran yang berkaitan dengan pengisytiharan kebangkrapan.

Dari segi definisi, definisi rasmi PMKS yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Eropah mengambil kira tiga kriteria utama iaitu hasil jualan, saiz guna tenaga atau kunci kira-kira. Jadual 1.1 menerangkan definisi terperinci PMKS mengikut saiz perniagaan yang diguna pakai di Kesatuan Eropah.

Jadual 1.1: Definisi PMKS di Kesatuan Eropah

Kategori	Hasil Jualan	Pekerja	Kunci Kira-kira
Mikro	< €2 juta	0 hingga < 10	< €2 juta
Kecil	< €10 juta	10 hingga < 50	< €10 juta
Sederhana	< €50 juta	50 hingga < 250	< €43 juta

Sumber: Laporan Tahunan PMKS Eropah 2021/2022, April 2022

Memberi tumpuan kepada prestasi PMKS, tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar memandangkan COVID-19 telah menyebabkan operasi perniagaan terhenti secara mengejut, malah menenggelamkan keuntungan yang diperoleh oleh PMKS selama ini. Walau bagaimanapun, PMKS di rantau tersebut berjaya pulih semula pada tahun 2021, dengan nilai ditambah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 8.0% (2020: -5.5%). Pemulihan tersebut dicerminkan dalam semua sektor, dengan pertumbuhan ketara dicatatkan dalam sektor pembuatan (9.7%), pembinaan (9.7%) dan perdagangan borong & runcit (9.4%). Di samping itu, firma besar berkembang lebih baik daripada PMKS dari segi pertumbuhan nilai ditambah apabila firma besar berkembang pada kadar dua angka sebanyak 10.8%, lantas diterjemahkan kepada sumbangan PMKS yang tidak berubah iaitu 51.8% pada tahun tersebut.

Sementara itu, PMKS menghadapi kesukaran sepanjang tahun 2021 dalam menggaji pekerja baharu bagi memenuhi pemulihan permintaan yang kukuh yang tidak dijangka dan terpaksa berdepan dengan kenaikan mendadak harga input. Hasilnya, guna tenaga PMKS meningkat secara marginal sebanyak 0.5% pada tahun 2021, dengan sedikit peningkatan diperhatikan dalam semua industri kecuali perkhidmatan penginapan & makanan (-6.0%) dan sektor pembuatan (-0.4%). Pelbagai langkah sokongan perniagaan yang diperkenalkan semasa pandemik telah berjaya meminimumkan kesan guna tenaga kepada aktiviti ekonomi. Justeru, secara keseluruhan, PMKS di rantau EU-27 menyumbang 64.4% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2021. Sumbangan PMKS pada tahun 2021 dari segi pertumbuhan, nilai ditambah dan guna tenaga mengikut saiz perniagaan diringkaskan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Bilangan Firma, Nilai Ditambah dan Guna Tenaga mengikut Saiz Perniagaan pada Tahun 2021

Kategori	Pertubuhan		Nilai Ditambah		Guna Tenaga	
	Bil. Firma	Sumbangan (%)	Nilai (€ juta)	Sumbangan (%)	Bil. Pekerja	Sumbangan (%)
Mikro	21,264,305	93.1	1,284.4	18.2	36,885,901	28.5
Kecil	1,339,629	5.9	1,178.3	16.7	25,810,109	20.0
Sederhana	204,862	0.9	1,186.3	16.8	20,515,281	15.9
Jumlah PMKS	22,808,796	99.8	3,649.0	51.8	83,211,291	64.4
Firma Besar	42,263	0.2	3,397.5	48.2	46,005,197	35.6

Sumber: Laporan Tahunan PMKS Eropah 2021/2022, April 2022

PRESTASI PMKS DI NEGARA ASIA SELATAN DAN ASEAN

PMKS di rantau tersebut telah merangsang permintaan dalam negeri, penciptaan pekerjaan, inovasi dan persaingan selama ini. Dengan Asia Selatan mencakupi lima negara (Bangladesh, India, Sri Lanka, Nepal dan Pakistan) dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) meliputi sepuluh negara, PMKS ditakrifkan menggunakan kriteria yang berbeza terutamanya berdasarkan hasil jualan tahunan, bilangan pekerja, aset tetap dan modal berbayar^[2].

Di rantau Asia Selatan, kesan pandemik adalah sangat menggerunkan bagi perniagaan di rantau tersebut, dengan kebanyakan negara mencatatkan pertumbuhan ekonomi negatif. Jadual 1.3 mencatatkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan bagi setiap negara yang secara tidak langsung menjejaskan prestasi perniagaan PMKS.

Jadual 1.3: Pertumbuhan Ekonomi Keseluruhan di Negara Asia Selatan (Pertumbuhan Tahunan, %)


Negara	Tahun Fiskal 2019	Tahun Fiskal 2020	Tahun Fiskal 2021
India		4.0%	-7.3%
Sri Lanka	2.3%	-3.6%	
Nepal	6.7%	-2.1%	
Pakistan	2.1%	-0.5%	
Bangladesh	8.2%	3.5%	

Sumber: Asia Small and Medium-sized Enterprise Monitor 2021, Disember 2021

Pada tahun 2020, PMKS Asia Selatan menyumbang secara purata 99.6% daripada jumlah perusahaan. Majoriti PMKS terlibat dalam sektor perkhidmatan dengan 44.1% adalah dalam industri perdagangan borong dan runcit, manakala 23.8% PMKS adalah dalam sektor pembuatan. Melihat kepada prestasi perniagaan, PMKS di Asia Selatan pada tahun 2020 menyumbang secara purata sebanyak 33.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) rantau tersebut dan menggaji secara purata sebanyak 76.6% daripada jumlah guna tenaga di rantau tersebut. Selari dengan komposisi sektor PMKS, majoriti pekerja PMKS bekerja dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam perdagangan borong dan runcit.

Membandingkan prestasi PMKS di rantau ASEAN, bagi tempoh 2010 sehingga 2020, PMKS ASEAN merangkumi secara purata sebanyak 97.6% daripada jumlah keseluruhan perusahaan, 40.5% daripada keseluruhan KDNK dan 67.0% daripada jumlah guna tenaga di rantau tersebut. Bahagian PMKS kepada jumlah perusahaan berkembang secara marginal merentas rantau pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compounded annual growth rate, CAGR*) sebanyak 0.2%. Tambahan lagi, sumbangan PMKS kepada KDNK juga meningkat sedikit sebanyak 0.5% manakala bahagian pekerja PMKS kepada jumlah pekerja sebaliknya merosot sebanyak 0.5% dalam tempoh sepuluh tahun tersebut. Carta 1.1 meringkaskan prestasi PMKS di Asia Selatan dan ASEAN.

Carta 1.1: Sumbangan PMKS kepada Jumlah Pertumbuhan, KDNK dan Guna Tenaga (%)



Sumber: Asia Small and Medium-sized Enterprise Monitor 2021, Disember 2021

Prestasi PMKS di Singapura

PMKS di negara tersebut ditakrifkan sebagai perusahaan yang mempunyai terimaan operasi (*operating receipts*) tidak melebihi SGD100 juta atau guna tenaga yang tidak melebihi 200 orang pekerja. Menjadi sebahagian daripada ekosistem perniagaan, data terkini menunjukkan kepentingan PMKS Singapura kepada pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2021, terdapat lebih daripada 290,000 PMKS di Singapura, mewakili 99.0% daripada keseluruhan pertumbuhan perniagaan^[3]. Bilangan PMKS di Singapura berkembang sebanyak 3.4% pada tahun 2021 dengan peningkatan hampir 10,000 PMKS.

Memandangkan kebanyakan ekonomi pulih secara beransur-ansur dari kesan pandemik COVID-19, PMKS di Singapura juga mencatatkan pengembangan. Perkara ini dicerminkan melalui nilai ditambah yang lebih tinggi dengan nilai ditambah nominal PMKS meningkat semula sebanyak 6.5% untuk mencapai SGD213 bilion pada tahun 2021 (2020: SGD200 bilion). Kadar pertumbuhan PMKS adalah lebih perlahan berbanding dengan bukan PMKS pada 15.7%, iaitu berjumlah SGD272 bilion pada tahun 2021 (2020: SGD235 bilion). Hasilnya, sumbangan PMKS kepada ekonomi keseluruhan menurun kepada 44.0% pada tahun tersebut (2020: 46.0%).

Dari segi guna tenaga, PMKS Singapura menggaji 2.41 juta pekerja pada tahun tersebut dengan meliputi kira-kira 70.9% daripada jumlah guna tenaga (2020: 70.5%). Bilangan guna tenaga PMKS telah meningkat sebanyak 1.7% pada tahun 2021 berbanding kemerosotan sebanyak 6.0% pada tahun 2020. Penurunan guna tenaga pada tahun 2020 yang berlaku di Singapura serta ekonomi lain semasa pandemik adalah selari dengan laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation, ILO). Laporan menyatakan bahawa pandemik mempunyai kesan yang buruk ke atas pekerjaan dan pendapatan di rantau Asia dan Pasifik, yang melenyapkan kira-kira 81 juta pekerjaan pada tahun 2020.



Carta1.2: Prestasi PMKS di Singapura dari segi Nilai Ditambah dan Guna Tenaga pada Tahun 2021 (%)

Petunjuk	Sumbangan PMKS	
	2020	2021
Nilai Ditambah - nominal (SGD bilion)	200.0	213.0
Pertumbuhan tahunan (%)	-2.0	6.5
Sumbangan kepada keseluruhan (%)	46.0	44.0
Guna tenaga (juta)	2.37	2.41
Pertumbuhan tahunan (%)	-6.0	1.7
Sumbangan kepada keseluruhan (%)	70.5	70.9

Sumber: Jabatan Perangkaan, Singapura dan Analisis oleh SME Corp. Malaysia

Prestasi PMKS di Thailand

Pada akhir tahun 2020, jumlah PMKS di Thailand adalah sebanyak 3,134,442, yang mencakupi 99.5% daripada jumlah keseluruhan perusahaan di negara tersebut^[4]. Terdapat sedikit peningkatan sebanyak 0.9% atau hampir 30,000 PMKS berbanding keseluruhan 3,105,096 PMKS yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Perusahaan mikro juga adalah pemain utama memandangkan perusahaan ini membentuk sebahagian besar daripada komponen PMKS. Memberi tumpuan kepada definisi, PMKS di negara tersebut dikategorikan berdasarkan pendapatan tahunan dan guna tenaga bagi mempromosikan usahawan bersasar secara efektif mengikut keadaan ekonomi semasa. Jadual 1.4 menunjukkan definisi terperinci PMKS mengikut saiz perniagaan yang digunakan di Thailand^[5].

Jadual 1.4: Definisi PMKS di Thailand

Jenis Perniagaan	Kategori	Pendapatan Tahunan (juta baht)	Guna Tenaga (orang)
Pembuatan	Mikro	≤ 1.8	≤ 5
	Kecil	≤ 100	≤ 50
	Sederhana	≤ 500	≤ 200
Perkhidmatan & Perdagangan	Mikro	≤ 1.8	≤ 5
	Kecil	≤ 50	≤ 30
	Sederhana	≤ 300	≤ 100

Sumber: Office of SMEs Promotion (OSMEP)

Melihat kepada prestasi PMKS Thailand, pemain industri turut terjejas berikutan penularan secara meluas pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, pertumbuhan KDNK PMKS menguncup sebanyak 9.1%, dengan perusahaan mikro telah menjejaskan prestasi PMKS dan paling teruk terkesan apabila jatuh mendadak pada pertumbuhan dua angka sebanyak 15.8%. Penguncupan tersebut telah menyebabkan PMKS menyumbang sebanyak 34.2% kepada keseluruhan KDNK pada tahun tersebut. Dari segi eksport, eksport PMKS merudum sebanyak 17.1% untuk mencapai 839,750.1 juta baht pada tahun 2020. Susulan landskap eksport yang tidak menggalakkan, PMKS mencatatkan sumbangan yang lebih rendah kepada jumlah eksport iaitu 11.7% pada tahun 2020 (2019: 13.3%). Pasaran utama bagi aktiviti eksport Thailand termasuk oleh PMKS adalah Amerika Syarikat, China dan Jepun.

Jadual 1.5: Bilangan Pertubuhan, KDNK, Eksport dan Guna Tenaga mengikut Saiz Perniagaan pada Tahun 2020

Kategori	Pertubuhan		KDNK		Eksport		Guna Tenaga	
	Bil. Firma	Sumbangan (%)	Nilai (trilion baht)	Sumbangan (%)	Nilai (trilion baht)	Sumbangan (%)	Bil. Pekerja	Sumbangan (%)
Mikro	2,673,922	84.9	0.4	2.7	0.1	1.4	5,274,729	29.7
Kecil	415,673	13.2	2.3	14.6	0.2	3.4	4,997,999	28.2
Sederhana	44,847	1.4	2.7	17.0	0.5	6.8	2,442,188	13.8
Jumlah PMKS	3,134,442	99.5	5.4	34.2	0.8	11.7	12,714,916	71.7
Firma Besar & Lain-lain	14,455	0.5	10.3	65.8	6.3	88.3	5,019,245	28.3

Sumber: Kertas Putih Ringkasan Eksekutif mengenai PMKS oleh OSMEP, 2021

Sementara itu, adalah mengejutkan bahawa pandemik memberi kesan yang kurang ketara ke atas pasaran pekerja PMKS, namun tidak kepada pasaran pekerja bukan PMKS. Meskipun pasaran pekerja bukan PMKS mencatatkan pertumbuhan guna tenaga negatif, data guna tenaga PMKS sebaliknya mencatatkan kenaikan sebanyak 5.4% pada tahun 2020. Bilangan pekerja yang digaji oleh PMKS telah meningkat lebih daripada 650,000 pekerja, daripada 12.1 juta pada tahun 2019 kepada 12.7 juta pada tahun 2020. Di samping itu, guna tenaga PMKS kebanyakannya tertumpu dalam sektor perkhidmatan dengan 5.6 juta pekerja. Mengambil kira pertumbuhan yang positif, sumbangan PMKS Thailand kepada keseluruhan guna tenaga telah meningkat kepada 71.7% pada tahun 2020 berbanding 69.5% yang dicatatkan pada tahun 2019.




Prestasi PMKS di Taiwan

Taiwan telah mentakrifkan semula definisi PMKS pada Jun 2020 mengambil kira trend ke arah pembangunan berintensifkan modal, sempadan industri tidak nyata serta pengenalan yang dipermudah. Dengan definisi lama tertumpu kepada kriteria iaitu modal berbayar, hasil atau bilangan pekerja, definisi baharu pula memberi tumpuan kepada satu kriteria yang boleh diguna pakai oleh semua industri ^[6]. PMKS ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai modal berbayar kurang daripada NT\$100 juta atau kurang daripada 200 orang pekerja. Menggunakan definisi terkini, terdapat 1,548,835 PMKS di Taiwan pada tahun 2020 yang meliputi 98.9% daripada keseluruhan perusahaan.

Bagi guna tenaga pula, PMKS Taiwan menyediakan peluang pekerjaan kepada sejumlah 9.3 juta orang pekerja, iaitu mewakili majoriti 80.9% daripada keseluruhan guna tenaga negara tersebut. Statistik ini menunjukkan bahawa PMKS di Taiwan merupakan tonggak ekonomi dengan menyediakan asas yang penting bagi penciptaan pekerjaan. Kepentingan PMKS juga turut dicerminkan melalui hasil, dengan PMKS menjana lebih separuh daripada jumlah hasil negara iaitu sebanyak 54.0%. Sebahagian besar daripada hasil ini diperolehi daripada jualan dalam negeri yang membentuk 88.6%, manakala jualan eksport pula menyumbang baki sebanyak 11.4%. Menarik untuk diperhatikan bahawa eksport PMKS menguncup jauh lebih rendah berbanding eksport bukan PMKS pada tahun 2020, menandakan kelebihan daya saing produk PMKS Taiwan pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, sumbangan eksport PMKS yang lebih tinggi sebanyak 26.3% daripada jumlah eksport telah dicapai pada tahun tersebut.

Carta 1.3: Sumbangan PMKS Taiwan pada Tahun 2020 (%)



Sumber: Kertas Putih 2021 mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana di Taiwan